

**Umno, pembangkang berlumba bersihkan surau  
Malaysiakini.com  
August 24, 2010**

Sempena Ramadan yang mulia, mungkin inilah yang semua orang harapkan, pemimpin Umno dan pembangkang berlumba-lumba membersihkan surau yang menjadi mangsa perbuatan khianat semalam.

Namun, peranan awal mungkin dimulakan oleh Pemuda Umno apabila pihaknya dikatakan sudah berada di tempat kejadian pagi ini.

"Saya telah mengarahkan Pemuda (Umno) Negeri Sembilan untuk bergotong-royong memperbaiki surau yang dicemar.

"Mereka sudah berada di surau," kata ketua Pemuda pergerakan itu Khairy Jamaluddin di laman Twitter kira-kira sejam lalu.

Manakala anggota Majlis Pimpinan Pusat PKR Badrul Hisham Shaharin - yang menentang Khairy di parlimen Rembau dalam pilihan raya umum lalu - berkata pihaknya juga hari ini akan menemui jawatankuasa surau berkenaan.

Badrul bersama NGO yang diasaskannya - Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM) - juga mahu menawarkan bantuan bagi memperbaiki semua kerosakan surau itu akibat disimbah cat dan dibaling botol arak.

"SAMM rancang untuk bawa aktivis dari perbagai latar kaum/agama untuk bergotong-royong baiki kerosakan.

"Ini secara tak langsung hancurkan hasrat pelaku (khianat) untuk lihat pergaduhan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/140926>